

18/10/1997

Seminar Jaya Waris

KUALA PILAH: Majlis Pendidikan dan Latihan Pergerakan Pemuda Umno bahagian Kuala Pilah dengan kerjasama Biro Tata Negara akan menganjurkan Seminar Jaya Waris peringkat daerah, esok.

Program peringkat kebangsaan dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tahun lalu dan pelancaran peringkat negeri oleh Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad.

Menurut Ketua Bahagian, Shaharuddin Isa, seminar di Dewan Majlis Daerah Kuala Pilah dijangka dihadiri pemimpin masyarakat, ibu-bapa, pelajar dan golongan belia daerah ini.

(END)